

Minit Mesyuarat

Tarikh: 10 Mei 2023

Masa: 2.10 ~3.00 petang

Tempat: Online (Googole meet)

Hadir:

1. Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain
2. Ts. Liyana Jamaludin
3. Dr. Lee Yit Ling
4. Ts. Dr. Tan Chye Lih
5. En. Masri Zairi Mohd Zain

Isu-Isu Dibincangkan:

1. Penguatkuasaan merekod penggunaan bahan kimia:
 - Dr. Tan mencadangkan dipraktikkan SOP penggunaan bahan kimia di makmal yang terlibat dan menampal QR kod pada beberapa tempat di makmal seperti di tempat menimbang.
 - Dr. Zamzuri memberi pandangan tambahan iaitu meminta penyelia dan staf teknikal di makmal untuk meminta pelajar merekod bahan kimia yang digunakan.
2. Taklimat keselamatan bahan kimia:
 - Ts. Liyana memaklumkan bahawa taklimat keselamatan bahan kimia memang telah dipraktikkan sebelum ini dengan menjemput staf dari COSHE. Namun untuk semester ini taklimat tersebut belum diadakan.
 - Dr. Zamzuri meminta untuk Ts. Liyana berhubung dengan FYP koordinator untuk mengadakan taklimat tersebut pada setiap semester.
3. Permohonan bajet bagi pembelian kabinet dan barang keperluan makmal:
 - Dr. Lee memaklumkan keperluan untuk membeli kabinet bahan kimia untuk menampung kapasiti penyimpanan bahan kimia di makmal. Juga untuk mengelakkan penyelia menyimpan bahan kimia di tempat yang tidak sepatutnya.
 - Ahli mesyuarat membincangkan keperluan dan menyetujui pembelian kabinet tersebut.
4. Pelan tindakan kecemasan/kemalangan bahan kimia:
 - En. Masri memaklumkan bahawa telah sedia ada SOP berkaitan tumpahan bahan kimia di website COSHE.
 - Ahli mesyuarat membincangkan keperluan pelan tindakan kecemasan bahan kimia dan tumpahan bahan kimia.

Keputusan-Keputusan:

1. Penguatkuasaan merekod penggunaan bahan kimia:
 - Dr. Tan akan menyediakan QR kod dan menampal di makmal FKTM A19. Ts. Liyana akan melakukan perkara yang sama untuk makmal di FKTM C.
 - Dr. Zamzuri akan memaklumkan kepada penyelia dan staf teknikal yang terlibat dengan penggunaan bahan kimia untuk menguatkuasakan merekod bahan kimia pada semester ini.
2. Taklimat keselamatan bahan kimia:
 - Ts. Liyana akan berbincang dengan fYP Koordinator untuk mengadakan sesi taklimat keselamatan bahan kimia bagi semester ini.
3. Permohonan bajet bagi pembelian kabinet dan barang keperluan makmal:
 - Dr. Lee dan Ts. Liyana akan melihat keperluan makmal masing-masing, mendapatkan sebut harga dan memberi senarai keperluan kepada En. Qayyum.
4. Pelan tindakan kecemasan/kemalangan bahan kimia:
 - Dr. Zamzuri akan menyiapkan pelan tindakan kecemasan bahan kimia dan meletakkannya di website bahan kimia.

Tindakan Susulan:

1. Setiap peserta mesyuarat akan melaksanakan tindakan yang diperlukan berdasarkan keputusan yang diambil dan sebolehnya melaksanakannya dalam bulan Mei 2023.

Disediakan oleh,



(Dr. Mohd Zamzuri Bin Mohammad Zain)